



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

10 BERITA BAIK UNTUK PMKS MALAYSIA: PENGHARGAAN TERHADAP SOKONGAN YAB PERDANA MENTERI KEPADA PMKS

PUTRAJAYA, 5 Januari – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyambut baik pengumuman dan merakamkan penghargaan kepada Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah menerima beberapa cadangan KUSKOP untuk memperkasakan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) di Malaysia.

Pengumuman hari ini merupakan langkah praktikal dan strategik yang dapat memberi kelegaan segera kepada PMKS:

Sepuluh (10) inisiatif penting bagi PMKS yang diumumkan YAB Perdana Menteri adalah:

1. Pembiayaan Tambahan PMKS

Pembiayaan Tambahan Sebanyak RM 2.5 billion daripada RM 30 billion yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2026. Separuh daripada jumlah ini adalah untuk PMKS yang belum pernah mendapat pembiayaan.

2. Bayaran Balik Lebihan Cukai

Bayaran Balik Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2023 dan 2024 akan diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2026.

3. Pengecualian Cukai Jualan

Pengusaha sektor makanan ternakan, baja dan racun dikecualikan daripada Cukai Jualan.

4. Pengecualian serta Pengurangan Cukai Perkhidmatan Sewaan Premis

PMKS baharu dikecualikan daripada Cukai Perkhidmatan bagi sewaan premis selama 1 tahun. Pengurangan Cukai Perkhidmatan daripada 8% kepada 6% pula akan dinikmati oleh PMKS lain.

5. Peningkatan Had Nilai Ambang bagi Pendaftaran Perkhidmatan Pajak atau Sewaan

Had nilai ambang bagi pendaftaran perkhidmatan pajakan atau sewaan dinaikkan daripada RM 1 juta kepada RM 1.5 juta, bakal memberi manfaat kepada PMKS yang menyewa ruang komersial.

6. Pengecualian Cukai Perkhidmatan Sektor Pembinaan

Pengecualian Cukai Perkhidmatan bagi perjanjian pembinaan dikecualikan selama 2 tahun bermula 1 Julai 2025 sehingga 30 Jun 2027 yang turut membantu kontraktor kecil dan sederhana. Pembinaan rumah ibadat seperti masjid, surau, kuil, gereja dan tokong pula mendapat pengecualian Cukai Perkhidmatan sepenuhnya mulai 1 Julai 2025.

7. Penangguhan Denda Pelaksanaan e-Invois Fasa 4

Denda bagi pelaksanaan e-invois fasa 4 melibatkan perusahaan dengan nilai jualan antara RM 1 juta - RM 5 juta ditangguhkan 1 tahun sehingga 31 Disember 2026.

8. Pendaftaran 10,000 Peniaga Kecil ke dalam program SARA

Penglibatan 10,000 peniaga-peniaga kecil, kedai-kedai kecil termasuk koperasi terutamanya di kawasan luar bandar ke dalam rangkaian program Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

9. Tambahan peruntukan RM2.4 bilion bagi projek kecil di bawah kontraktor PMKS

Peruntukan tambahan RM2.4 bilion bagi projek kecil kendalian kontraktor PMKS berstatus G1-G4 akan dimulakan serta-merta.

10. Program Pengakuan Sukarela Duti Setem

Program Pengakuan Sukarela Duti Setem akan dijalankan selama 6 bulan bermula dari 1 Januari - 30 Jun 2026

Inisiatif bernilai hampir RM 80 bilion ini berfungsi sebagai suntikan sokongan kepada sektor PMKS khususnya dalam meningkatkan kecairan aliran tunai dan memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

KUSKOP turut menyambut baik dan komited terhadap penekanan PMX untuk memperkasakan perkhidmatan tanpa kertas serta melaksanakan reformasi bagi mempermudah proses birokrasi.

Inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri hari ini selaras dengan **strategi ABCD** yang saya gariskan untuk memacu KUSKOP, iaitu **Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal**, dan **Daya Akses Pasaran**, yang merupakan tunjang utama dalam memastikan kelangsungan serta pertumbuhan ekosistem PMKS di Malaysia.

Hebatkan Perniagaan Malaysia! Make Malaysian businesses great!

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
5 JANUARI 2026